



Perkhidmatan perumahan

LEMBARAN FAKTA

Disediakan oleh Department of Communities (Housing Authority)

Perumahan di Wilayah Lautan Hindi

Department of Communities — Housing menyediakan perkhidmatan berikut bagi pihak Kerajaan Australia:

- Sokongan pengurusan perumahan — membantu Kerajaan Persekutuan menguruskan perumahan masyarakat di Wilayah ini sejajar dengan dasar, prosedur dan garis panduan yang relevan, serta memberikan nasihat tentang perumahan pekerja.
- Nasihat dan sokongan dasar — kepada Kerajaan Persekutuan tentang pelbagai isu perumahan.
- Penilaian — nasihat dan bantuan tentang penilaian harta Kerajaan Persekutuan yang digunakan untuk menetapkan sewa dan bagi pelupusan harta.
- Kontrak dan pembinaan — nasihat dan perkhidmatan kepada Kerajaan Persekutuan yang memudahkan proses mendapatkan pembekal bagi pemerolehan atau naik taraf perumahan akan datang.

Apakah ertinya bagi saya?

Kerajaan Persekutuan menguruskan perumahan masyarakat di Wilayah ini menurut dasar dan garis panduan Department of Communities, termasuk:

- dasar kelayakan, dasar dan amalan pengurusan penyewaan, serta sewaan harta; dan
- prosedur untuk membantu Kerajaan Persekutuan dalam kawalan dan pengurusan penyewaan harian.



Department of Communities menyediakan nasihat dan perkhidmatan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Indian Ocean Territories Administration (IOTA).

Untuk mendapatkan penerangan lanjut

Cara menghubungi	Butir-butir hubungan
Telefon	08 9222 4666
E-mel	generalenquiriesHA@housing.wa.gov.au
Laman web	www.communities.wa.gov.au